

12 FEB 2004

Abdullah-Air

PUSAT RAWATAN AIR SEMANGGAR BUKTI KEMAMPUAN SYARIKAT TEMPATAN

KOTA TINGGI, 12 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pembukaan Pusat Rawatan Air Semanggar yang menandakan berakhirnya pergantungan Johor kepada air bersih dari Singapura membuktikan kemampuan syarikat dan anak-anak tempatan di dalam penguasaan teknologi tinggi.

Katanya pembukaan pusat rawatan air berharga RM650 juta itu juga menunjukkan kejayaan kerajaan Barisan Nasional di dalam menyediakan kemudahan untuk rakyat.

"Kejayaan projek air ini adalah satu kebanggaan kepada kerajaan dan rakyat Johor. Ia telah membuktikan kebolehan syarikat tempatan untuk mewujudkan pusat rawatan air yang berteknologi tinggi.

"Kejayaan ini besar ertinya kepada kerajaan yang sentiasa memandang ke hadapan untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat," katanya ketika merasmikan pusat rawatan air itu di sini hari ini.

Pusat rawatan milik Syarikat SAJ Holdings Sdn Bhd, anak syarikat Ranhill Utilities itu dijangka mula beroperasi pada akhir tahun ini.

Ia akan membekalkan 160 juta liter air setiap hari kepada pada pengguna di Johor sebelum kemampuannya ditingkatkan pada 320 juta liter sehari dalam jangka masa yang terdekat.

Pembukaan Pusat Rawatan Air Semanggar akan menamatkan penggunaan bekalan air bersih Johor dari loji-loji milik Lembaga Kemudahan Awam (PUB) Singapura yang terletak di negeri ini.

Abdullah berharap SAJ yang telah menunjukkan kemampuannya itu akan terus memastikan bekalan air yang disalurkan kepada rakyat Johor sentiasa di dalam keadaan bersih dan berkualiti tinggi.

Beliau juga mahu kerajaan negeri dan SAJ Holdings bertindak segera terhadap masalah kehilangan hasil air atau "non revenue water (NRW)" yang kini berada di tahap 30 peratus.

"Kerajaan Johor dan SAJ telah berjanji kepada saya supaya masalah "air yang tidak menjana hasil" ini akan dikurangkan sehingga sepuluh peratus," katanya.

Sementara itu Pengerusi SAJ, Tan Sri Sallehuddin Mohamed pada ucapannya berkata Projek Pusat Rawatan Air Semangar telah diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mahukan pendekatan strategik bagi menangani bekalan air tanpa bergantung daripada pihak asing.

"Pendekatan ini merealisasikan satu dorongan teknologi yang memastikan rakyat di negeri ini menerima bekalan air yang berterusan dan berkualiti dalam jangka masa yang panjang".

"Ini bermakna apabila siap keseluruhan projek ini nanti Johor Baharu dan daerah-daerah yang berhampiran tidak lagi perlu bergantung pada air terawat yang dihasilkan oleh PUB," katanya.

Menurut Sallehuddin sumber air mentah yang diproses di Pusat Rawatan Air Semangar adalah dari Sungai Johor tetapi kualitinya akan sentiasa dipantau setiap masa bagi menepati piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga Anggota Parlimen Kota Tinggi dan barisan exco kerajaan negeri.

-- BERNAMA  
MHI BK